

05/08/2002

Dialog Langkawi masih perlukan komitmen Dr M

Khaidir Abdul Majid

DIALOG Antarabangsa Langkawi - Global 2002 (LID-Global 2002) berakhir kelmarin dengan jaminan bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan terus memberi sumbangan walaupun selepas meletakkan jawatan Oktober tahun depan. Jaminan Dr Mahathir itu menjawab teka-teki mengenai nasib dialog itu selepas beliau bersara kelak.

Ia melegakan kebanyakan peserta. Rata-rata berasakan input Dr Mahathir sangat berharga dan masih diperlukan. Lebih-lebih lagi untuk merangsang perbincangan dalam perjumpaan yang agak unik itu yang mengumpul peserta pelbagai peringkat dari Malaysia dan negara selatan.

Ia melegakan kebanyakan peserta. Rata-rata berasakan input Dr Mahathir sangat berharga dan masih diperlukan. Lebih-lebih lagi untuk merangsang perbincangan dalam perjumpaan yang agak unik itu yang mengumpul peserta pelbagai peringkat dari Malaysia dan negara selatan.

Pandangannya yang berani dan perspektifnya yang tulen sentiasa dikagumi dan dihormati oleh mereka yang menyertai dialog berkenaan. Seorang peserta dari Tanzania menyatakan Dr Mahathir diperlukan kerana "beliau boleh bercakap apa yang kami tidak berani cakap." Tanpa mahu menyatakan secara terang-terang apa yang dimaksudkannya, Menteri Tenaga dan Galian Tanzania, Daniel Yona berkias dengan berkata:

"Saya ini berbadan kecil. Jika saya mencabar Mike Tyson sudah tentu muka saya lebam ditumbuknya."

"Tetapi, Dr Mahathir mempunyai kekuatannya sendiri. Beliau disegani dan pandangannya dihormati bukan saja di negara membangun tetapi di seluruh dunia," kata bekas tokoh perbankan itu, yang sebelum ini adalah menteri kewangan negaranya.

Walaupun tidak menyatakannya dengan jelas tetapi maksud Yona sebenarnya ialah mengenai tindakan berani dan wajar Perdana Menteri mengecam negara kaya, demi membela negara miskin. Pada dialog kali ini (keenam yang diadakan di pulau Mahsuri ini), heboh peserta mengulas ucapan perasmian Dr Mahathir yang menyentuh mengenai apa yang ditakrifkannya sebagai economic terrorism (keganasan ekonomi) yang dilakukan oleh negara kaya atau pihak di negara berkenaan terhadap negara miskin.

Keganasan itu dilakukan dalam banyak bentuk.

Antaranya, merebut secara tidak adil pelaburan langsung asing dari negara miskin, memaksa pembukaan pasaran negara miskin walaupun negara itu belum bersedia dan meranapkan ekonomi negara miskin seperti krisis kewangan lalu dengan mempermainkan mata wang negara terbabit semata-mata untuk meraih keuntungan peribadi.

Tindakan keganasan ekonomi ini, kata Dr Mahathir, perlu ditangani, jika tidak negara miskin akan mendapati mereka dijajah semula. Kata-kata itu begitu berkesan sehingga membuat mereka bimbang dengan senario buruk itu.

Seorang peserta dialog memberitahu akhbar ini, ada pemimpin negara tertentu yang menyertai LID mengakui bahawa mereka begitu bimbang dengan keadaan yang akan berlaku selepas mendengar ucapan Dr Mahathir kerana memikirkan nasib yang mungkin menimpa negara mereka.

"Ucapan Perdana Menteri benar-benar berkesan sehingga ada pemimpin negara lain yang tidak dapat tidur lena," kata peserta itu.

Dalam ucapannya bertajuk "Kepaduan Sosial Menentang Keganasan Ekonomi", Perdana Menteri mendedahkan bagaimana Malaysia sendiri sudah menjadi mangsa keganasan ekonomi itu apabila sebuah negara kaya, merebut satu pelaburan besar yang sepatutnya datang ke negara ini.

Katanya, negara kaya berkenaan menawarkan AS\$200 juta (RM760 juta) dan insentif lain yang tidak mungkin dapat disaingi Malaysia, kepada syarikat terbabit supaya tidak melabur di sini.

Dialog Global 2002-LID itu yang diadakan di Pelangi Beach Resort di Pantai Cenang dihadiri kira-kira 450 peserta daripada 36 negara, termasuk 19 pemimpin kerajaan serta wakil kerajaan, sektor perniagaan dan kesatuan sekerja negara membangun, khususnya dari benua Afrika.

Perkongsian pandangan dan pengalaman sedemikianlah yang membuat dialog ini amat berharga. Dengan diadakan secara informal dan tertutup peserta dapat meluahkan kebimbangan mereka terhadap isu tertentu tanpa takut dihebohkan kemudian dalam akhbar. Pihak akhbar sendiri juga terbabit dalam amalan perkongsian pintar apabila dipelawa menghadiri CP (bukan press conference tetapi conference of press) dengan ketua kerajaan dan negara yang menyertai LID-Global 2002.

Pada CP itu, Dr Mahathir melemparkan pandangan dengan bertanya kenapa media di negara Selatan tidak saling mempercayai satu sama lain. Media ini lebih cenderung mempercayai dan menggunakan bahan berita yang dihantar agensi berita barat daripada menggunakan bahan berita daripada rakan sejawat mereka di negara selatan.

"Sebagai contoh, jika sesuatu berlaku di Malaysia, kenapa kita mengambil berita itu daripada agensi berita asing dan tidak daripada media tempatan di mana kejadian itu berlaku?," tanya Dr Mahathir kepada pengarang akhbar yang hadir pada CP itu.

(CP berbeza dengan PC kerana pada CP pemimpin pula yang bertanya kepada wartawan).

Sikap sedemikian membuat laporan yang disiarkan berat sebelah dan tidak tepat dengan hanya perspektif Barat dapat tempat di muka akhbar. Soalan Perdana Menteri itu berlegar-legar di pemikiran wartawan yang membuat liputan LID-Global 2002, sehinggalah membawa ke perbualan di warung-warung yang menyajikan makanan yang enak (tetapi pada harga yang murah) di pulau peranginan yang indah ini.

Penulis yang makan tengah hari dengan Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd, Tan Sri Abdullah Ahmad dan Pengerusi Technology Resources Industries Bhd (TRI) Datuk Dr Munir Majid (juga bekas pengarang kumpulan akhbar New Straits Times dan kini kolumnisnya) di sebuah warung di Kuah, mengambil kesempatan membincangkan soalan yang dikemukakan Dr Mahathir itu.

Sebenarnya, kewujudan teknologi Internet sudah pun membolehkan akhbar mengimbangkan antara berita yang disalur oleh agensi berita dengan berita dari negara hos di mana sesuatu kejadian itu berlaku. Sebagai contoh, sudah ada media yang tidak lagi mengambil bulat-bulat berita yang dihantar oleh Reuters, AFP dan AP.

Petugas di media berkenaan melayari Internet untuk mencari laman web negara membangun yang boleh mengimbangi berita yang dihantar oleh agensi berita.

Ia menghasilkan laporan dan sudut berita berbeza daripada akhbar tempatan lain kerana dalam satu berita ia turut merangkumi bahan yang diperoleh daripada akhbar atau agensi berita negara Selatan, selain daripada agensi berita Barat.

Usha ini, walaupun agak rumit dan mengambil masa, ia adalah berbaloi kerana sekurang-kurangnya ia dapat memberi pembaca pelbagai perspektif dalam satu bahan berita. Begitulah kesan amalan perkongsian pintar yang diperkenalkan Dr Mahathir di pulau ini sejak 1995.

Jelas ia mampu berjangkit sekali pun di warung makan. Semoga bertemu di Swaziland, negara kecil di Selatan Afrika, September tahun depan untuk sekali lagi berkongsi pengalaman dan pendapat secara pintar di dialog Global 2003.

